

# Kuasa Wanita dan Ekonomi Antarabangsa

OLEH MOHD HANIF MOHD HELMI

Wanita mencapai markah yang lebih tinggi daripada kaum lelaki, dan lebih banyak kaum wanita memasuki institusi pengajian tinggi tempatan sebaik-baik sahaja tamat zaman persekolahan.

**S**ejak belakangan ini, banyak dalam kalangan wanita yang berjaya menjadi usahawan dan tokoh negara. Antaranya, Tan Sri Rafidah Abdul Aziz, Tan Sri Zeti Akhtar, Dato' Zarinah Anwar, Faiza Bawumi Sayed Ahmad dan banyak lagi.

Kejayaan golongan wanita kini dapat dilihat dari bangku sekolah lagi. Mereka mencapai markah yang lebih tinggi daripada kaum lelaki, dan lebih banyak kaum wanita memasuki institusi pengajian tinggi tempatan sebaik-baik sahaja tamat zaman persekolahan. Banyak dalam kalangan mereka menceburi bidang yang sebelum ini dimonopoli oleh golongan lelaki. Sebagai contoh, bidang kejuruteraan.

Pada peringkat antarabangsa pula, tokoh ekonomi banyak yang terdiri daripada golongan wanita. Antaranya, Margaret Hilda Thatcher, seorang wanita unggul dalam bidang politik dan ekonomi dari Great Britain. Beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri United Kingdom sejak tahun 1979 sehingga tahun 1990 dan Ketua Parti Konservatif sejak tahun 1975 sehingga tahun 1990. Margaret Thatcher merupakan wanita



Margaret Thatcher dikenal sebagai wanita besi.

yang mula-mula memegang kedua-dua jawatan itu.

Beliau dilahirkan di Bandar Grantham, Lincolnshire, United Kingdom dan bersekolah di Kesteven serta Grantham dan bermula dari situ sifat kepimpinannya dikesan. Beliau memegang jawatan ketua pelajar di sekolah yang sama sejak tahun 1942 hingga tahun 1943 dan kemudiang,

menyambung pengajian di Somerville College, Oxford.

Beliau memenangi kerusi pada pilihan raya umum pada tahun 1959 dan seterusnya bagi pihak parti konservatif, beliau menjadi ahli Parlimen untuk kawasan Finchley. Apabila Edward Heath membentuk kerajaan pada tahun 1970, Margaret Thatcher dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan Sains. Pada tahun 1975, Margaret Thatcher bertanding dan menjadi ketua Parti Konservatif. Pada pilihan raya umum tahun yang sama, beliau berjaya dan dilantik sebagai Perdana Menteri wanita yang pertama untuk United Kingdom.

Pada tahun 1979, menurut manifesto Parti Konservatif, beliau mengatakan bahawa Great Britain sebagai negara maju, tetapi terkebelakang dan perlu dibetulkan. Falsafah politik dan ekonomi beliau cenderung kepada kurangnya kawal selia lebih-lebih lagi di sektor kewangan, pasaran buruh yang fleksibel, pengurangan syarikat kepunyaan kerajaan negeri dan penarikan balik subsidi.

Berikutan kemelesetan ekonomi pada masa itu, Margaret Thatcher semakin tidak popular. Selepas ekonomi mula pulih dan sejurus selepas perang Falklands, beliau dilantik kembali sebagai Perdana Menteri untuk penggal yang kedua pada tahun 1983. Pada masa ini, oleh sebab ketabahan beliau menangani krisis dengan kesatuan sekerja, terselamat daripada peristiwa pengeboman di Hotel Brighton, dan ketidaksetujuan dengan kerajaan Rusia, beliau digelar sebagai "wanita besi".

Pada tahun 1987, beliau dilantik bagi penggal yang ketiga untuk memerintah Great Britain. Ketika itu, beliau semakin tidak popular dan situasi semakin sukar. Margaret Thatcher meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Great Britain pada tahun 1990, apabila Michael Heseltine mencabar pucuk pimpinan beliau dalam Parti Konservatif. Tempoh pemerintahan beliau adalah yang terpanjang semenjak zaman Lord Salisbury dan Lord Liverpool pada awal abad



Christine Lagarde pakar ekonomi Perancis.

## Majalah *Forbes* mengkategorikan Lagarde sebagai 14 orang daripada 100 orang wanita yang amat berpengaruh dan berpengetahuan.

ke-19. Beliau juga wanita pertama yang menerajui parti politik di United Kingdom dan wanita pertama daripada empat wanita lain yang memegang jawatan utama di negara itu.

Christine Lagarde pula, seorang pakar ekonomi Perancis, dilantik sebagai Menteri Ekonomi, Industri dan Buruh negara itu semenjak Jun 2007. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan serta Menteri Perdagangan semasa kerajaan Dominique de Villepin. Lagarde merupakan wanita pertama yang memegang jawatan Menteri Ekonomi di negara dalam kumpulan "G8".

Pada tahun 2008, majalah *Forbes* mengkategorikan Lagarde sebagai

14 orang daripada 100 orang wanita yang amat berpengaruh dan berpengetahuan. Beliau terkenal dengan kebolehan berbahasa Inggeris yang baik. Pada 16 November 2009, *Financial Times* memilih beliau sebagai menteri kewangan yang terbaik di zon Eropah.

Sebagai Menteri Perdagangan Perancis (2005 dan 2007), Christine membuka pasaran baharu untuk barangan buatan negara itu. Beliau lebih memberikan tumpuan pada sektor teknologi di negara itu. Pada 18 Mei 2007, beliau dipindahkan ke Kementerian Pertanian semasa kerajaan Francois Fillon. Selepas itu, beliau memasuki kabinet di Kementerian Hal Ehuwal Ekonomi, Industri dan Buruh, sekali gus menjadikan beliau wanita yang pertama diberi penghormatan untuk menerajui polisi ekonomi di Perancis.

Menurut berita daripada *Le Parisien*, sebuah akhbar negara itu, pada November 2008, Christine Lagarde menyatakan bahawa beliau akan menjadikan Paris sebagai pusat kewangan Islam yang unggul.

Seorang lagi tokoh wanita ialah Sri Mulyani Indrawati, seorang pakar ekonomi Indonesia. Beliau baru dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Bank Dunia pada 5 Mei 2010. Sejurus selepas pelantikan itu, beliau terus meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan Indonesia.

Sebagai Menteri Kewangan Indonesia sejak tahun 2005 hingga tahun 2010, beliau dikenal sebagai penggerak yang menguatkan kembali ekonomi Indonesia, meningkatkan pelaburan dan membawa negara itu keluar dari krisis ekonomi.

Semasa beliau dipilih sebagai Menteri Kewangan Indonesia pada tahun 2005 oleh Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, perkara pertama yang dilakukan oleh beliau selepas pelantikan adalah memecat pegawai kastam dan cukai yang tidak amanah. Beliau berjaya memperbaiki etika para pegawai kastam dan cukai serta sentiasa menunjukkan sikap berintegriti.



Sri Mulyani Indrawati pakar ekonomi Indonesia.

Kewibawaan Sri Mulyani semakin terserlah apabila beliau berjaya menaikkan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) Indonesia. Pada tahun 2004, tahun pertama bagi Presiden Susilo Bambang Yudhoyono sebagai Presiden Indonesia, negara itu menerima AS\$6.4 bilion (RM22.4 bilion) daripada FDI. Tahun selepas itu, yakni setelah beliau menjadi Menteri Kewangan, Indonesia menerima sebanyak AS\$8.9 bilion (RM31.15 bilion).

Setahun selepas dilantik sebagai Menteri Kewangan, beliau diberi anugerah tahunan "Menteri Kewangan *Euro money*" oleh majalah *Euro money*. Ketika Sri Mulyani masih memegang jawatan tersebut, pada tahun 2007, Indonesia mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.6 peratus, iaitu pertumbuhan terbesar semenjak krisis ekonomi Asia pada tahun 1997/98. Namun begitu, pertumbuhan jatuh sedikit pada tahun 2008 disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia ekoran daripada krisis kredit yang bermula di Amerika Syarikat.

Pada bulan Ogos 2008, Sri Mulyani dikategorikan sebagai wanita yang

**Sri Mulyani menyemak semula insentif pekerja kerajaan di bawah Kementerian Kewangan, membayar gaji yang lebih tinggi kepada pegawai cukai supaya mereka tidak tergodanya dengan rasuah.**

ke-23 berpengaruh di peringkat dunia oleh majalah *Forbes*. Semasa beliau memegang jawatan itu, rizab tukaran asing Indonesia mencecah tahap tertinggi sebanyak AS\$50 bilion (RM175 bilion). Beliau menurunkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara itu sebanyak 30 peratus daripada 60 peratus.

Sri Mulyani juga telah menyemak semula insentif pekerja kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan membayar gaji yang lebih tinggi kepada pegawai cukai supaya mereka tidak tergodanya dengan rasuah. Pada tahun 2007 dan tahun 2008, akhbar pasaran memunculkan (*emerging market*) memilih Sri Mulyani sebagai Menteri Kewangan Asia bagi kedua-dua tahun itu.

Pada 5 Mei 2010, Sri Mulyani dilantik sebagai seorang daripada tiga orang pengarah urusan Kumpulan Bank Dunia. Bidang tugas beliau termasuklah memantau bank di 74 buah negara di Amerika Selatan, Pulau Caribbean, Asia Pasifik dan Timur, Timur Tengah dan Afrika Utara.

Oleh sebab perubahan yang dilakukan oleh Sri Mulyani, beliau mempunyai banyak musuh daripada pihak institusi yang tidak beretika dan tidak amanah di Indonesia. Walau bagaimanapun, beliau masih mendapat sokongan daripada pihak tertentu yang mahu melihat perubahan positif di Indonesia.

Angela Dorothea Merkel juga merupakan tokoh wanita yang ulung dan


berjaya membuktikan bahawa golongan wanita dapat berdiri sama tinggi dengan golongan lelaki. Beliau memegang jawatan Canselor Jerman, yakni ketua kerajaan negara itu. Angela terpilih untuk menyertai barisan kepimpinan Jerman semenjak zaman Mecklenburg Vorpommern.

Pada tahun 2005 hingga tahun 2009, beliau menerajui kerajaan campuran Kesatuan Sosial Kristian dan Parti Demokratik Sosialis Negara Jerman. Kerajaan campuran ini dibentuk selepas pilihan raya umum dijalankan pada 22 November 2005. Pada pilihan raya umum yang dijalankan pada 29 September 2009, parti beliau mendapat sokongan yang terbesar dan membentuk kerajaan campuran baharu.

Pada tahun 2007, Angela juga memegang jawatan Presiden Badan Eropah dan sekapatan G8. Beliau memainkan peranan utama dalam perundangan keamanan antara pengisytiharan Lisbon dan Berlin. Untuk polisi tempatan pula, beliau menumpukan perhatian yang lebih pada bahagian kesihatan penduduk dan masalah dalam pembangunan tenaga untuk masa hadapan.



Angela Dorothea wanita yang pertama memegang jawatan Canselor, Jerman.



Ratu Rania banyak menumpukan usaha pemerkasakan sektor ekonomi Jordan.

Angela merupakan wanita pertama yang menjadi Canselor di Jerman. Pada tahun 2007, beliau menjadi wanita kedua yang mempengerusikan sepakatan G8, selepas Margaret Thatcher. Angela juga banyak memberikan sokongan kepada rakyat dalam aktiviti yang merentas pelbagai aspek di peringkat kebangsaan dan dunia. Semasa acara bola sepak Piala Dunia di Afrika Selatan, beliau turut sama-sama memberikan sokongan kepada pasukan Jerman yang menentang Argentina pada peringkat piala suku akhir.

Seorang lagi tokoh wanita yang banyak memainkan peranan yang penting kepada masyarakat dalam bidang ekonomi ialah seorang Ratu dari Jordan. Ratu Rania merupakan Ratu Jordan apabila baginda berkahwin dengan Raja Abdullah II dari Jordan. Sebagai tokoh ternama dunia dan antara wanita yang berpengaruh, Ratu Rania memfokuskan tenaganya bukan hanya di rumah, tetapi juga di luar negara bagi segala jenis tujuan, lebih-lebih lagi pada bidang pendidikan dan sekali gus hal ini memberikan kesan langsung kepada usaha memperkasakan sektor ekonomi negara itu.

Sejak berkahwin dengan Raja Abdullah II, Ratu Rania menggunakan kedudukannya untuk memperbaiki tahap kehidupan masyarakat di Jordan dari segenap segi. Beliau merupakan penyokong kuat bidang pendidikan, pembangunan sosial, dan peluang ekonomi untuk semua peringkat masyarakat. Antara aktiviti dan perhatian yang diberikan oleh Ratu Rania termasuklah usaha meningkatkan tahap pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, kanak-kanak, wanita dan alam sekitar.

Sehubungan dengan hal itu, pada April 2008, Ratu Rania melancarkan "Madrasati" (sekolah kita) melalui inisiatif daripada kerajaan dan swasta dalam memperbaharu 500 buah sekolah di Jordan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh lima tahun.

Daya usaha beliau besar manfaatnya melalui penubuhan Madrasati dengan matlamat untuk memperbaiki taraf pendidikan dan mencipta semula alam pembelajaran secara fizikal, mental, emosi. Madrasati menyasarkan objektif untuk menarik pelajar, peniaga domestik dan komuniti tempatan bagi membentuk komuniti dan mencari cara untuk bergabung dalam memperbaiki prestasi sekolah di negara itu.

Fasa kedua projek Madrasati dilancarkan pada akhir tahun 2009 dan 100 buah sekolah di Jerash, Ajloun, Balqa dan Madaba telah dikenal pasti untuk dibangunkan. Fasa kedua ini merangkumi penubuhan cara pendidikan yang lebih berkualiti untuk kanak-kanak di Jordan.

Ratu Rania dan Raja Abdullah dengan kerjasama Kementerian Jordan juga melancarkan hadiah tahunan untuk tenaga pengajar yang dikenal sebagai Hadiah Kecemerlangan dalam Pendidikan Ratu Rania. Pada tahun 2009, kategori hadiah tersebut diperluas dengan menyediakan hadiah untuk pengetua sekolah. Ratu Rania begitu menitikberatkan pembangunan bidang pendidikan di Jordan kerana baginda sadar bahawa tahap pendidikan rakyat

Antara aktiviti dan perhatian yang diberikan oleh Ratu Rania termasuklah usaha meningkatkan tahap pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, kanak-kanak, wanita dan alam sekitar.

yang tinggi dapat menjamin peningkatan kualiti hidup rakyatnya, khususnya usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara itu.

Dari segi komuniti, projek pertama Ratu Rania ialah penubuhan Yayasan Sungai Jordan pada tahun 1995. Yayasan Sungai Jordan merupakan organisasi bukan kerajaan yang bermatlamat untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk dan komuniti Jordan, dengan memberikan kepercayaan kepada golongan wanita untuk memperbaiki kemahiran mereka dalam bidang kraf tangan dan keusahawanan.

Ratu Rania juga sangat aktif dalam usaha pembangunan sektor pelancongan yang pastinya dapat menjanakan sumber ekonomi Jordan. Dengan bantuan beliau, Jordan muncul sebagai pusat pelancongan yang menawarkan perkhidmatan moden, dan pada masa yang sama masih mengekalkan kebudayaan negara itu.

Dalam hal ini, di peringkat global, sudah banyak nama besar dalam kalangan wanita yang disanjung kerana kebolehan dan kesungguhan mereka membentuk ekonomi sesebuah negara. Ada banyak lagi golongan wanita yang berjaya mewarnai bidang ekonomi di peringkat dunia dan kita pasti akan dapat melihat lebih banyak kaum Hawa yang bangkit menjadi usahawan dan bersaing dengan kaum Adam di atas pentas yang sama. DE